



Secretariat, Friends of Ulu Muda c/o Sahabat Alam Malaysia
1, Jalan Joki, 11400 PULAU PINANG. Tel: 04-8276930, Fax: 04-8276932, Email: foemalaysia@gmail.com

Rujukan Kami: FOUM/21-04
Tarikh: 5 April 2021

YAB Tuan Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor
YAB Menteri Besar Kedah
Pejabat YAB. Menteri Besar Kedah
Wisma Darul Aman, Aras 3, Blok A, 05503 ALOR SETAR, Kedah
Email: pmb@kedah.gov.my, portalkedah@kedah.gov.my

YAB. Tuan Chow Kon Yeow
YAB Ketua Menteri Pulau Pinang
Pejabat YAB. Ketua Menteri,
Tingkat 28, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG
Faks: 04 2613003, Email: chowkonyeow@penang.gov.my

sk.

YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd. Yassin
YAB Perdana Menteri Malaysia
Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Blok Utama, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Faks : 03 8888 3444

Yang Amat Berhormat,

MASA UNTUK BERKERJASAMA DEMI MENYELAMATKAN SUMBER AIR ULU MUDA

Dengan hormatnya kami dari Sahabat Ulu Muda (*Friends of Ulu Muda - FoUM*) sebuah gabungan yang mewakili pelbagai pertubuhan masyarakat awam dari Kedah, Pulau Pinang dan negeri lain di Malaysia, serta pertubuhan-pertubuhan yang turut menyokong surat ini merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Sejak kebelakangan ini, berlaku pertikaian yang terus meningkat antara kerajaan negeri Kedah dan Pulau Pinang berhubung hak kepada bekalan air mentah dari Sungai Muda membabitkan bekalan air bagi kegunaan penduduk di kedua-dua negeri. Antara lain, kerajaan negeri Kedah

bercadang untuk mengalih dan menyimpan air dari Sungai Muda yang akan menyebabkan penurunan kuantiti air yang sampai ke titik pengambilan bekalan air Pulau Pinang.

Sebaliknya Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula sedang merancang projek bernilai jutaan ringgit untuk menyalurkan air dari Perak melalui Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak sebagai alternatif kepada air dari Sungai Muda. Ini adalah tambahan kepada berjuta ringgit yang telah dibelanjakan untuk memperluaskan Empangan Mengkuang yang pada dasarnya tangki takungan air yang besar bagi air Sungai Muda.

Sementara perdebatan panas berlaku antara kedua-dua negeri, air dari hulu Sungai Muda, iaitu Kompleks Hutan Ulu Muda, terus terancam berikutan kegiatan pembukaan hutan, pembalakan dan perlombongan. Sudah tiba masanya perbalahan mengenai air mentah Ulu Muda diketepikan dan kedua kerajaan duduk bersama bagi membincangkan dan bertolak ansur mencari cara untuk melindungi dan berkongsi sumber air secara usahasama.

Walaupun Negeri Pulau Pinang memperolehi hak yang sah untuk mengekstrak air mentah dari bahagian Sungai Muda yang terletak dalam wilayahnya, sekiranya ia membantu kerajaan Negeri Kedah dalam melindungi Kompleks Hutan Sungai Muda usaha ini akan membawa kebaikan kepada Negeri Pulau Pinang juga dalam jangka panjang. Kompleks Hutan Ulu Muda menyediakan perkhidmatan ekosistem yang memerangkap air hujan, menapisnya dan mengawal pelepasannya ke sungai dan anak sungai dan akhirnya mengalir ke Sungai Muda. Adalah lebih bermanfaat sekiranya jutaan ringgit yang dibelanjakan untuk mengalih dan membina fasiliti simpanan air itu diperuntukkan untuk melindungi dan mengekalkan Kompleks Hutan Ulu Muda yang sentiasa menyediakan perkhidmatan ekosistem seperti yang dinyatakan di atas.

Kami menyeru kepada YAB agar berkerjasama dan mencapai muafakat demi kebaikan semua pihak. Air sungai yang berpunca dari Kompleks Hutan Ulu Muda bukan milik eksklusif mana-mana pihak tetapi merupakan sumber yang dimiliki bersama. Ia adalah amat penting bagi bekalan air minuman kepada Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, pengairan sawah padi Malaysia dan pemacu utama untuk pembangunan lestari.

Dalam usaha bergerak ke hadapan, FoUM menyarankan agar kedua-dua kerajaan negeri mengambil langkah-langkah yang berikut:

1. Melantik **pengantara** yang bebas, cekap, amanah, dan neutral **untuk mengendalikan perbincangan** di antara kedua-dua kerajaan negeri.
2. **Berunding dengan pakar mengenai Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (*Payment for Ecosystem Services -PES*) berasaskan air** bagi mendapatkan nasihat teknikal mengenai bagaimana untuk mewujudkan skim PES bagi kawasan tadahan air Sungai Muda.
3. Berbincang dan mencapai **persetujuan bersama mengenai skim PES** di mana pengguna utama air Sungai Muda menyumbang dana bagi perlindungan kawasan tadahan air sungai yang kritikal tersebut, iaitu Kompleks Hutan Ulu Muda. Aktiviti perlindungan merangkumi pemertanian keseluruhan kawasan sebagai taman negeri atau negara; menjalankan rondaan dan penguatkuasaan undang-undang berhubung pencerobohan dan

pemburuan haram hidupan liar; pemantauan litupan hutan; serta aktiviti pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar.

4. **Wujudkan suatu tabung amanah pemuliharaan Ulu Muda** untuk mengendalikan dana yang diterima bagi perlindungan Kompleks Hutan Ulu Muda. Satu lembaga pemegang amanah harus dilantik untuk mengawasi pengurusan tabung amanah berkenaan dan dianggotai oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk:
- pemilik dan pengurus sumber asli (iaitu kerajaan negeri Kedah dan agensi-agensi utama yang terlibat dalam usaha melindungi kawasan tadahan air)
 - pengguna air utama yang menyumbang kepada dana berkenaan (termasuk kerajaan Pulau Pinang dan sektor swasta)
 - wakil dari kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab terhadap sumber asli, perancangan gunatanah, pertanian dan kewangan.
 - masyarakat sivil (misalnya NGO alam sekitar dan pertubuhan komuniti).
 - institusi penyelidikan.

Lembaga pemegang amanah ini perlu bersepakat mengenai bagaimana tabungan itu harus digunakan dengan tujuan untuk melindungi kawasan tadahan air.

Kami yakin langkah-langkah di atas merupakan cara terbaik untuk bergerak ke arah menyelesaikan isu yang sudah lama berlanjutan. Kini tiba masanya untuk bertindak demi menjamin dan mengekalkan sumber air kita untuk mengharungi masa hadapan yang berkemelum dengan pelbagai cabaran seperti kemerosotan kualiti alam, pandemik dan perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Meenakshi Raman
Presiden, Sahabat Alam Malaysia
Merangkap Sekretariat Sahabat Ulu Muda

Senarai ahli-ahli FoUM yang menyokong surat ini:

1. Consumers' Association of Penang (CAP)
2. GreenSmiths
3. Malaysian Cave & Karst Conservancy (MCKC)

4. Malaysian Nature Society (MNS) Langkawi Branch
5. Malaysian Nature Society (MNS) Penang Branch
6. Persatuan Primatologi Malaysia (MPS)
7. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) Malaysia
8. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
9. Sahabat Alam Sik (SAS)
10. Society for Conservation Biology Malaysia Chapter
11. The Habitat Foundation
12. Treat Every Environment Special (TrEES)
13. Water Watch Penang (WWP)

Senarai penandatanganan tambahan:

1. Advancing Knowledge in Democracy and Law initiative (AKDL)
2. Agora Society
3. Alliance of River Three
4. Beyond Borders Malaysia
5. Ecotourism & Conservation Society of Malaysia (ECOMY)
6. Forum Gagasan Darul Aman
7. Free Tree Society Kuala Lumpur
8. Gibbon Conservation Society
9. Global Environment Centre (GEC)
10. Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI)
11. Kota Damansara Community Forest Society
12. Majlis Muafakat Muslimah Masjid

13. Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
14. Malaysian Nature Society (MNS) Selangor Branch
15. Merbok Bangkit
16. North South Initiative
17. Penang Forum
18. Penang Hills Watch (PHW)
19. Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia
20. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
21. Persatuan Kesedaran dan Keadilan Iklim (Klima Action Malaysia)
22. Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia, Kedah
23. Persatuan Sahabat Rimba Bukit Kiara (FOBK)
24. Pertubuhan Alam Masa Depan Borneo Sabah (Future Alam Borneo)
25. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS Malaysia)
26. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
27. Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesenambungan Malaysia (SUSDEN Malaysia)
28. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
29. Tanjung Bungah Residents' Association (TBRA)
30. Tenaganita
31. Teras Pengupayaan Melayu
32. Wetlands International Malaysia
33. Yayasan Patriot Negara Malaysia
34. Yayasan Sime Darby